

# Pasdec ramal jualan RM11.8j

Karnival hartanah selama sebulan dijangka dapat sambutan

>>Oleh Asrul Awang  
anahmetro.com.my

**P**ASDEC Holdings Berhad (Pasdec) yakin dapat meraih RM11.8 juta hasil jualan unit kediaman dan komersialnya sempena Karnival Jualan Pasdec 2007 yang berlangsung selama sebulan mulai kelmarin.

Pengarah Urusan Kumpulan PHB, Yusof Ali Mohamed Zain, berkata sasaran itu berdasarkan sambutan menggalakkan pada karnival sama yang diadakan tahun lalu apabila mampu meraih hasil jualan berjumlah RM7.5 juta.

Menurutnya, sebagai syarikat tersenarai di Bursa Malaysia dan menjadi antara pemaju hartanah ternama, pilihannya bukan saja membina kediaman selesa, malah turut memberi tumpuan kepada program kemasyarakatan.

Katanya, program kemasyarakatan itu termasuk memberi



**TERTARIK**  
...Faisal  
(dua dari  
kiri)  
melihat  
rumah  
kediaman  
yang dijual  
pada  
Karnival  
Jualan  
Pasdec  
2007,  
semalam.

sumbangan kepada golongan kurang upaya dan membiayai program sosial selaras usaha syarikat meningkatkan tanggungjawab sosial korporat (CSR).

"Karnival ini berbeza seperti sebelumnya kerana tahun ini Pasdec menganjurkannya bersama

badan bukan kerajaan (NGO) dengan tema khas iaitu 'Ke Arah Masyarakat Prihatin dan Penyayang', katanya pada majlis perasmian itu di Kuantan, semalam.

Ucapannya dibacakan Pengurus Besar Pembangunan Perniagaan

Pasdec Corporation, Datuk Khairuddin Mohd Ali. Karnival anjuran bersama Pusat Penjagaan Kanak-Kanak Terencat Akal Kuantan itu dirasmikan Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Berserah, Datuk Faisal Abdullah.